

**FAKTOR PEMILIHAN POLITEKNIK DAN DIPLOMA KEJURUTERAAN
MEKANIKAL (DKM) DALAM KALANGAN PELAJAR DKM POLITEKNIK
TUANKU SYED SIRAJUDDIN (PTSS)**

Ts. Ahmad Zawawi Bin Zulkifli¹, Fariza Binti Ishak² & Ts. Nazera Binti Dan³

^{1,3}Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Pauh Putra, 02600, Arau, Perlis, Malaysia

²Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Pauh Putra, 02600, Arau, Perlis, Malaysia

e-mail: zawawizulkifli@gmail.com

ABSTRAK

Tempoh masa 10 tahun kebelakangan ini, kebanyakan institusi pengajian tinggi di Malaysia mengalami perubahan dan persaingan untuk penawaran tempat bagi melanjutkan pengajian di peringkat tertiar. Kajian ini meninjau kepada aspek pemilihan Politeknik dan program Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM) dalam kalangan pelajar DKM Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Politeknik Malaysia telah melaksanakan pelbagai perubahan bagi memastikan graduan berkebolehan untuk bekerja, mempunyai ciri keusahawanan dan berwatak seimbang. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah berbentuk kajian tinjauan. Pengkaji memilih kajian berbentuk kuantitatif kerana bersesuaian dengan dapatan analisis yang ingin mengukur tahap pembolehubah – pembolehubah dan pengkaji memilih penggunaan kaedah persampelan bertujuan kerana bilangan populasi yang tidak besar. Analisis deskriptif digunakan untuk menerangkan skor min yang diperoleh bagi setiap item dalam instrumen kajian ini. Secara keseluruhannya, majoriti responden bersetuju (Skor min total = 3.65) dengan item – item berkaitan faktor pemilihan Politeknik dan program DKM. Namun begitu, item berkaitan faktor pemilihan program DKM memperlihatkan dapatan skor min sekadar 3.48 (tidak pasti/neutral).

Kata kunci: Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

1.0 PENGENALAN

Pendidikan di Politeknik mula diperkenal di Malaysia melalui penubuhan politeknik pertamanya, Politeknik Ungku Omar di Ipoh di bawah *United Nations Development Plan* pada tahun 1969. Pendidikan ini diperkukuhkan dengan perakuan Jawatankuasa Kabinet mengenai pendidikan pada tahun 1979 dan Pelan Induk Perindustrian Kebangsaan pertama (1985-1995). Kesemua perancangan termasuk perakuan Jawatankuasa Kabinet mengenai latihan (1991), telah membolehkan penubuhan lebih banyak politeknik serta penambahan program pengajian

bagi memenuhi keperluan pekerja separa professional dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan perkhidmatan. Jemaah Menteri pada 26 Mac 2010 telah menimbang Memorandum Menteri Pengajian Tinggi (No. 198/2685/2010) dan bersetuju supaya ditubuhkan empat buah Politeknik Metro dalam RMKe-9 dan enam buah dalam RMKe-10. Sehingga kini terdapat 33 politeknik merentasi kesemua 14 negeri di Malaysia, dengan menggunakan kepakaran kira-kira 7,800 tenaga pengajar yang mendepani 92,000 orang pelajar melalui kira-kira 87 program pengajian yang ditawarkan (Politeknik,2018).

1.1 Penyataan Masalah

Berdasarkan Hala Tuju Transformasi Politeknik (2010), transformasi Politeknik bertujuan menyediakan politeknik menghadapi pelbagai senario dan cabaran masa hadapan. Seiring dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Nasional, transformasi Politeknik adalah selaras dengan transformasi pendidikan dan latihan ke arah penghasilan modal insan yang mempunyai mentaliti kelas pertama dan menepati kehendak pasaran. Selaras dengan usaha-usaha transformasi seperti yang dicadangkan, pembaharuan yang diusahakan mampu mengangkat politeknik menjadi institusi pilihan dalam kalangan pelajar dan ibu-bapa. Pemilihan politeknik sebagai institusi pilihan melambangkan keberkesanan pengajian politeknik memberi perkhidmatan yang cemerlang. Selain itu, imej pendidikan dan latihan teknik dan vokasional yang dilihat selama ini sebagai pendidikan untuk pelajar yang kurang cenderung kepada mata pelajaran akademik serta tercicir daripada arus perdana pendidikan tinggi. Sehubungan itu, imej pengajian politeknik perlu melalui transformasi yang mampu menarik minat pelajar pelbagai kemampuan akademik untuk melanjutkan pelajaran mereka ke politeknik. Usaha untuk meningkatkan imej politeknik perlu disasarkan kepada bakal pelajar, ibu bapa/penjaga dan bakal majikan. Pembinaan imej bagi mengikis persepsi negatif pelajar dan ibu bapa/penjaga harus dilakukan secara bersepadu melibatkan kempen melalui media, bimbingan kerjaya pelajar di sekolah dan pewujudan suasana pembelajaran yang mesra pelajar. Oleh yang demikian, adalah wajar aspek Politeknik sebagai institusi pilihan (*preffered institution*) dan persepsi positif Politeknik seperti termaktub di dalam Pelan Transformasi Halatuju Politeknik dalam konteks PTSS dan program DKM dikaji berdasarkan persepsi para pelajar selepas 9 tahun perlaksanaan pelan ini.

1.2 Persoalan kajian

Persoalan yang timbul dalam kajian ini ialah:

- a. Apakah faktor pemilihan pelajar untuk menyambung pengajian di Politeknik?
- b. Apakah faktor pemilihan program DKM oleh pelajar?
- c. Apakah sumber rujukan yang menjadi panduan oleh pelajar untuk memilih Politeknik dan DKM?

1.3 Objektif Kajian

- a. Untuk mengkaji tahap faktor pemilihan Politeknik oleh pelajar.
- b. Untuk mengkaji tahap faktor pemilihan program DKM oleh pelajar.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Pengukuhan peranan Politeknik dalam bidang pendidikan dan latihan diperkasakan apabila Jemaah Menteri pada 20 November 2009 telah menimbang Memorandum Pengajian Tinggi (No. 871/2670/2009) dan bersetuju dengan Hala Tuju Transformasi Politeknik dengan objektif yang berikut (Politeknik,2018):

- i. Melonjakkan politeknik sebagai institusi peneraju dalam bidang TVET;
- ii. Mengukuhkan kerelevanan dan keresponsifan program pengajian di politeknik agar selari dengan kehendak pembangunan ekonomi negara;
- iii. Menerajui bidang tujahan dan teknologi tertentu bagi menghasilkan siswazah berkualiti yang berdaya usahawan, berkebolehpasaran tinggi dan berdaya saing;
- iv. Membina reputasi dan jenama yang mampu meletakkan politeknik antara institusi pengajian tinggi negara yang terbaik; dan
- v. Mempelbagai dan meluaskan penawaran program yang mampu menarik minat pelajar.

Hala Tuju Transformasi Politeknik ini dilancarkan pada 25 Februari 2010 oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merupakan permulaan usaha bagi membina upaya baharu politeknik untuk meletakkan pembangunan modal insan. Empat teras Hala Tuju Transformasi Politeknik yang dipersetujui pihak Jemaah Menteri adalah seperti berikut (Politeknik,2018):

- i. Pemerksaan politeknik ke arah menjadi pilihan yang setanding dengan universiti;
- ii. Pembangunan program pengajian dan penyelidikan dalam bidang tujahan yang bertunjangkan kekuatan di setiap politeknik;
- iii. Pemerksaan warga politeknik dengan pengetahuan dan ketrampilan peringkat tinggi;
- iv. Pembinaan imej dan budaya kerja cemerlang.

Bagi merealisasi agenda negara, Transformasi Politeknik mendukung Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi melalui inisiatif yang dilakukan mengikut 4 fasa yang berikut (Politeknik,2018):

- i. Fasa I: *Quick Wins* dan Transformasi Keinstitusian
- ii. Fasa II: Peningkatan ke arah Kecemerlangan
- iii. Fasa III: Pemerksaan
- iv. Fasa IV: Kecemerlangan

Setiap fasa mempunyai kerangka berpanduan hasil yang diharapkan dan dikenalpasti. Justeru itu, hasil yang ingin dicapai adalah seperti berikut (Politeknik,2018):

- i. Politeknik sebagai institusi pilihan;
- ii. Siswazah yang mempunyai kebolehdayaan diambil bekerja serta berdaya keusahawanan; dan
- iii. Persepsi positif terhadap politeknik.

Ketua Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti semasa didalam Amanat 2018 menyatakan graduan merupakan “produk” utama politeknik dan kolej komuniti. Kadar kebolehpasaran pelajar Politeknik telah mencapai tahap yang amat membanggakan iaitu melebihi 90 peratus. Mohd Ismail (2018) turut menyatakan pelbagai usaha telah Politeknik laksanakan bagi memastikan graduan berkebolehan untuk bekerja, mempunyai ciri keusahawanan dan berwatak seimbang. Antara yang telah dilaksanakan adalah untuk menawarkan program responsif dan relevan kepada keperluan industri seperti menggunakan pendekatan Work-Based Learning, menerapkan pensijilan industri dalam pengajian, melaksanakan program CEO@Faculty di Politeknik dan Kolej Komuniti, melaksanakan program pensyarah pelawat industri, memantapkan pendidikan keusahawanan, memulakan pelaksanaan iCGPA dan menggunakan Massive Open Online Course (MOOC).

Berdasarkan Nurzatil I. et al. (2015), terdapat 17 Faktor-faktor yang mendorong pemilihan Institusi Pengajian Tinggi dalam kalangan pelajar. Faktor – faktor tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kedudukan dan reputasi sesebuah IPT
- ii. Universiti yang diiktiraf (akreditasi)
- iii. Sebaran maklumat dan strategi pemasaran oleh IPT
- iv. Penawaran kursus yang diminati
- v. Ingin memperolehi pengalaman dan budaya baru
 - vi. Memenuhi kehendak pasaran
 - vii. Peluang mendapat pekerjaan
 - viii. Pemindahan pengetahuan baru
 - ix. Kos pengajian sara hidup rendah
 - x. Pengaruh keluarga dan rakan
 - xi. Jarak IPT dan kediaman keluarga
 - xii. Pengaruh rakan
 - xiii. Kemudahan infrastruktur
 - xiv. Tenaga pelajar yang dikenali rama
 - xv. Kurang kes disiplin dalam kalangan pelajar
- xvi. Kurang berlaku pengingkiran pelajar akibat kegagalan
- xvii. Perkhidmatan yang cekap dan efisien.

Kajian yang dijalankan oleh Zanariah et al. (2015) mendapati kualiti program yang ditawarkan oleh IPT sangat penting kerana program yang berkualiti dan diiktiraf oleh badan-badan akreditasi mampu menjamin kemudahpasaran, kebolehpasaran dan masa depan pelajar setelah

tamat pengajian. Selain dari itu, prasarana dan persekitaran IPT sangat penting bagi membolehkan pelajar belajar dengan baik tanpa gangguan dari anasir-anasir persekitaran yang boleh merosakkan pembelajaran dan sikap pelajar. Turut didapati, publisiti dan promosi secara meluas melalui media cetak dan media elektronik perlu digiatkan dalam usaha memberi sebaran maklumat kepada pelajar. Selain daripada menjalin hubungan dan kerjasama dengan kaunselor sekolah bagi menyampaikan maklumat mengenai IPT kepada pelajar.

Yusof et al. (2008) menekankan ibubapa kepada bakal pelajar menjadikan bantuan kewangan di institusi pengajian tinggi sebagai faktor utama pertimbangan institusi pengajian tinggi pilihan. Penemuan ini seiring dengan Xiaoping (2002) yang mendapati kos tuisyen adalah faktor penting pertimbangan ibubapa memilih institusi untuk anak – anak mereka. Dapatan ini turut didokong oleh Joseph & Joseph (1998, 2000) dan Wagner & Fard (2009) mendapati kos pendidikan, nilai pendidikan dan isikandungan serta struktur ijazah yang ditawarkan adalah tiga (3) faktor penting mempengaruhi pilihan pelajar. Yusof et al. (2008) turut menunjukkan responden telah sedia maklum dan mempunyai maklumat secukupnya tentang institusi pengajian tinggi yang menjadi pilihan. Penemuan yang sama turut ditemui oleh Baharun (2002) yang merumuskan pemilihan utama pelajar ke universiti disebabkan jenis akademik program yang ditawarkan, kualiti pendidikan, standard pentadbiran, kelayakan fakulti dan keselesaan serta lokasi yang mudah diakses.

3.0 METODOLOGI

Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah berbentuk kajian tinjauan. Kajian tinjauan digunakan untuk mendapat pandangan atau meninjau keberkesanan sesuatu produk atau rancangan (Chua, 2006). Kajian ini menggunakan data kuantitatif, disampaikan melalui keputusan statistik dan kemudiannya dianalisis bagi menjawab persoalan kajian ini. Borden & Abbott (2002) menyatakan kuantitatif menetapkan pembolehubah – pembolehubah dan pemalar – pemalar ini dalam bentuk angka. Kajian menggunakan data kuantitatif sesuai dijalankan dalam kajian ini kerana ia merupakan kajian yang menghuraikan sesuatu fenomena dalam bentuk angka dan pengukuran, dan kajian yang berasaskan kuantitatif bergantung sepenuhnya kepada keputusan statistik yang diwakili oleh angka (Wiersma, 1995). Pengkaji memilih kajian berbentuk kuantitatif kerana bersesuaian dengan dapatan analisis yang ingin mengukur tahap pembolehubah – pembolehubah. Instrumen kajian yang akan digunakan ialah soal – selidik yang diadaptasi dan diolah semula dari kajian yang dijalankan oleh Zanariah *et al.* (2015) dan kaedah analisis data adalah berdasarkan peratusan serta skor min yang akan diinterpretasikan mengikut Mohamad Najib (2003) seperti Jadual 1 di bawah.

JADUAL 1: Interpretasi Skor Min Oleh Mohamad Najib (2003).

Julat Skor Min	Interpretasi Skor
----------------	-------------------

1.00 – 1.50	Sangat Tidak Setuju
1.51 – 2.50	Tidak Setuju
2.51 – 3.50	Tidak Pasti / Neutral
3.51 – 4.50	Setuju
4.51 – 5.00	Sangat Setuju

Untuk kaedah persampelan kajian, pengkaji memilih penggunaan kaedah sampel bertujuan yang hanya mengkhususkan pelajar DKM yang berstatus aktif pada Sesi Pengajian Jun 2018. Ini kerana populasi kajian ini tidak melibatkan jumlah yang besar, oleh kerana itu tiada kekangan untuk pengkaji menyebarkan soala selidik kepada keseluruhan populasi iaitu pelajar DKM yang berstatus aktif di PTSS. Kelebihan pensampelan ini ialah pengkaji boleh menggunakan kemahiran dan pengetahuannya yang lalu dalam memilih subjek kajian dalam kajian yang akan datang. Soal selidik kajian ini diedarkan secara atas talian di alamat web <https://bit.ly/2E2814X> kepada keseluruhan populasi. Untuk memastikan hanya responden yang tepat sahaja yang memberikan maklumbalas kepada soal selidik yang disebarkan secara atas talian, pengkaji menyalurkan alamat web soal selidik menerusi penasihat akademik pelajar DKM sahaja. Penasihat akademik seterusnya berkongsi alamat web tersebut menerusi kumpulan *Whatsapp* kelas masing – masing.

Kajian rintis telah dilaksanakan terlebih dahulu yang melibatkan 10 orang responden bagi menentukan kebolehpercayaan konsistensi dalaman item soal selidik. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai Alpha Cronbach's yang diperolehi adalah 0.816. Skor ini diinterpretasikan oleh Gliem.J & Gliem.R (2003) berada pada tahap kebolehpercayaan yang baik.

Pengkaji telah menetapkan masa selama satu (1) bulan untuk responden kajian memberikan maklumbalas. Setelah tempoh satu (1) bulan berakhir, hanya 199 orang responden telah memberikan maklumbalas dari keseluruhan populasi seramai 486 orang. Berdasarkan jadual Krejcie & Morgan (1970) untuk jumlah populasi 480, jumlah sampel responden untuk tahap kebolehpercayaan sebanyak 95% adalah sebanyak 214. Menurut Goodwin (2005), bilangan soal selidik yang diterima adalah tidak penting tetapi jawapan yang diterima daripada responden terhadap soal selidik lebih diberi keutamaan.

Soal selidik dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu daripada bahagian A hingga C. Item – item dalam bahagian A adalah berkaitan dengan demografi responden manakala item bahagian B dan C adalah berbentuk soalan tertutup iaitu item dikemukakan secara pilihan mengikut panduan skala Likert lima. Tujuan skala Likert lima (5) digunakan adalah untuk mengawal maklum balas yang berat sebelah (Goodwin, 2005). Menurut Bordens & Abbott (2002), skala Likert sesuai digunakan untuk kajian yang berbentuk pengukuran sifat dan pandangan. Oleh itu, pengkaji memilih skala Likert lima (5) seperti yang dinyatakan oleh Uma Sekaran (2003) bagi memastikan ianya dapat mengukur pandangan dan persepsi yang diberikan oleh responden terhadap item – item yang dikemukakan.


4.0 ANALISIS DATA

Bahagian A iaitu demografi responden, pengkaji menggunakan kaedah peratusan untuk menganalisis dapatan maklumbalas oleh responden dan bahagian B dan C, analisis deskriptif digunakan untuk menerangkan skor min yang diperolehi bagi setiap item dalam instrumen kajian ini bagi mengenalpasti item – item yang menjurus kepada faktor – faktor pemilihan Politeknik dan program DKM oleh para pelajar serta sumber rujukan yang mempengaruhi faktor – faktor pemilihan Politeknik dan DKM. Terdapat tiga (3) bahagian dalam soal selidik iaitu bahagian A hingga C dan sebanyak 28 item telah diberikan kepada responden untuk dijawab. Agihan bilangan item mengikut bahagian di dalam soal selidik ini adalah seperti di dalam Jadual 2.


JADUAL 2: Agihan Bilangan Item Mengikut Bahagian Dalam Soal Selidik Kajian.

Bahagian	Item	Bilangan Item
A	Demografi responden	5
B	Faktor pemilihan Politeknik	17
C	Faktor pemilihan program DKM	6


Dalam kajian ini, data dianalisis dalam bentuk skor min dengan menggunakan bantuan perisian SPSS Statistics 18.0. Untuk proses analisis data bagi bahagian B dan C, skor min bagi setiap item akan ditafsirkan menggunakan jadual interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Mohamad Najib (2003). Analisis data bagi bahagian A dianalisis secara peratusan bagi mendapatkan maklumat berkaitan responden yang terlibat dengan kajian ini.




Rajah 1: Jantina Responden




Rajah 2: Semester Pengajian Semasa




Rajah 3: Negeri Asal



Rajah 4: Aliran Pengajian Semasa di Sekolah Menengah



Rajah 5: Pilihan DKM semasa mengisi UPU Online



Rajah 6: Sumber maklumat diperolehi berkaitan pengajian di Politeknik.

Analisis data bagi bahagian B digunakan untuk meninjau pandangan pelajar terhadap faktor pemilihan Politeknik. Dapatan analisis data menunjukkan majoriti responden bersetuju dengan semua item yang berkaitan faktor pemilihan Politeknik kecuali item B15, B17, B18, B19 dan B22. Skor yang paling rendah dicatatkan item B17 dan B22 iaitu faktor pemilihan Politeknik kerana pensyarah yang dikenali ramai dan pemilihan belajar di Politeknik kerana pengaruh rakan sebaya. Dapatan analisis data secara keseluruhan bagi bahagian B menunjukkan purata skor min sebanyak 3.82 (rujuk Jadual 3) dan ditafsirkan berada pada tahap setuju. Ini menunjukkan secara keseluruhannya, responden bersetuju dengan item-item yang dikaitkan dengan persoalan kajian.

JADUAL 3: Skor Min Bagi Pandangan Pelajar Terhadap Faktor Pemilihan Politeknik.

No. Item	Item	Skor Min	Interprestasi Skor
B6	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana reputasi baik Politeknik.	4.27	Setuju
B7	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana semua program Diploma Politeknik diiktiraf.	4.38	Setuju

B8	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana dapat maklumat yang cukup tentang Politeknik.	4.16	Setuju
B9	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana menawarkan Diploma yang diminati.	3.93	Setuju
B10	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana ingin memperolehi pengalaman baharu.	4.36	Setuju
B11	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana program Diploma yang ditawarkan memenuhi kehendak pasaran kerja.	4.32	Setuju
B12	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana peluang mendapat pekerjaan yang tinggi.	4.32	Setuju
B13	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana pemindahan pengetahuan baharu.	4.29	Setuju
B14	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana kos sara hidup pengajian yang rendah.	4.12	Setuju
B15	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana jarak yang dekat dengan kediaman keluarga.	2.94	Tidak Pasti / Neutral
B16	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana kemudahan infrastruktur yang lengkap.	3.89	Setuju
B17	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana pensyarah yang dikenali ramai.	2.85	Tidak Pasti / Neutral
B18	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana kurang kes disiplin dalam kalangan pelajar.	3.42	Tidak Pasti / Neutral
B19	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana kurang pengingkiran pelajar akibat kegagalan.	3.40	Tidak Pasti / Neutral
B20	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana perkhidmatan yang cekap.	3.83	Setuju
B21	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana pengaruh ahli keluarga.	3.53	Setuju
B22	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana pengaruh rakan sebaya.	2.85	Tidak Pasti / Neutral
Purata Skor Min		3.82	Setuju

Analisis data bagi bahagian C digunakan untuk meninjau faktor pemilihan program DKM oleh pelajar. Majoriti responden tidak pasti/neutral dengan faktor – faktor pemilihan program DKM yang dinyatakan di dalam soal selidik ini. Dapatan analisis data secara keseluruhan bagi bahagian C menunjukkan purata skor min sebanyak 3.48 (rujuk Jadual 4) dan ditafsirkan berada pada tahap tidak pasti/neutral.

JADUAL 4: Skor Min Bagi Pandangan Pelajar Terhadap Faktor Pemilihan Politeknik.

No. Item	Item	Skor Min	Interprestasi Skor
-------------	------	----------	-----------------------

C1	Saya memilih untuk menerima DKM kerana minat.	3.74	Setuju
C2	Saya terpaksa memilih untuk menerima DKM kerana tiada pilihan untuk memilih lain - lain program Diploma.	2.94	Tidak Pasti/Neutral
C3	Saya memilih untuk menerima DKM kerana ikut nasihat keluarga.	3.44	Tidak Pasti/Neutral
C4	Saya memilih untuk belajar di Politeknik kerana menawarkan Diploma yang diminati.	3.02	Tidak Pasti/Neutral
C5	Saya memilih untuk menerima DKM kerana tarikan potensi pekerjaan pada masa hadapan.	4.25	Setuju
Purata Skor Min		3.48	Tidak Pasti/Neutral

Secara keseluruhannya, majoriti responden bersetuju (Skor min total = 3.65) dengan faktor – faktor pemilihan Politeknik dan program DKM dalam kalangan responden yang terdiri dari para pelajar DKM, PTSS.

5.0 KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan responden bersetuju dengan faktor – faktor pemilihan Politeknik sebagai institusi pengajian tinggi pilihan untuk melanjutkan pelajaran. Secara tidak langsung, memperlihatkan Politeknik berada di landasan yang betul seperti yang termaktub di dalam Halatuju Transformasi Politeknik yang telah dirangka pada tahun 2010 iaitu Politeknik sebagai institusi pilihan. Ini sejajar dengan kajian Osman M. Zain (2013) yang mendapati persepsi pelajar memainkan peranan penting pemilihan mana – mana institusi pengajian tinggi yang menjadi pilihan. Persepsi utama adalah berteraskan kepada pensyarah yang berpengalaman dan institusi pengajian tinggi perlu memastikan kepakaran pensyarah dipertingkatkan sejajar dengan keperluan teknologi terkini. Pembuat dasar dan polisi institusi pengajian tinggi mesti meletakkan keutamaan memperkasakan tenaga pengajar demi membina persepsi positif dalam kalangan pelajar. Penemuan di dalam kajian yang sama turut mendapati promosi kepada bakal pelajar institusi pengajian tinggi sangat penting menerusi media massa. Ini kerana turut didapati institusi pengajian tinggi yang kurang ternama menghadapi kesukaran untuk bersaing dengan institusi yang ternama akibat kurang promosi di media massa utama. Yusof et al. (2008) di dalam kajian yang dijalankan menunjukkan responden menjangkakan kualiti di dalam pendidikan bukannya kuantiti. Takrifan kualiti di dalam pendidikan didasarkan kepada reputasi akademik institusi pengajian tinggi dan kualiti fakulti dan pensyarah, seiring dengan dapatan kajian Osman M. Zain (2013).

Kesimpulannya, faktor pemilihan Politeknik dan program DKM mengikut persepsi pelajar bergantung kepada kualiti Politeknik dan program DKM yang ditawarkan, bukannya kuantiti

Politeknik yang terdapat di seluruh Malaysia. Oleh yang demikian, untuk menjadikan Politeknik kekal relevan sebagai pilihan pelajar pada masa hadapan, peningkatan kualiti program serta infrastruktur institusi pengajian tinggi. Faktor kewangan masih lagi penting tetapi pelajar sanggup untuk menanggung kos yang lebih tinggi selagi mana dapat menyambung pelajaran di dalam program pendidikan tinggi pilihan (Yusof et al.,2008).

RUJUKAN

- Baharun, R. (2002). A study of market segmentation in tertiary education for local public higher learning institutes. *Malaysian Management Review*, 37(1), 1–8.
- Bordens, K. S. & Abbott, B. B. (2002). “Research Design and Methods: A Process Approach.” 10thed. New York: Mc Graw Hill. 63-64, 220.
- Chua, Y.P. (2006). “Kaedah dan statistik penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan.” Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. 107
- Gliem, J. R. & Gliem, R. R. (2003). “Calculating, Interpreting and Reporting Cronbach’s Alpha Reliability Coefficient for Likert – Type Scale.” Columbus: The Ohio States University.3. <http://www.alumni-su.org/midwest/midwestpapers/Gliem&Gliem--Done.pdf>.Dicapai pada 12 Ogos 2014.
- Goodwin, C. J. (2005). “Research in Psychology: Methods and Design.” 4thed. New York: John Wiley & Sons, Inc. 414.
- Joseph, M., & Joseph, B. (1998). Identifying need of potential students in tertiary education for strategy development. *Quality Assurance in Education*, 6(2), 90–96.
- Joseph, M., & Joseph, B. (2000). Indonesian students' perceptions of choice criteria in the selection of a tertiary institution: strategic implications. *The International Journal of Educational Management*, 14(1), 40–44.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D. W. (1970).Determining sample size for research.*Educational and Psychological Measurement*.30. 607-610.
- Mohamad Najib.(2003). “Reka bentuk Tinjauan: Soal Selidik Pendidikan.” Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Ismail (2018). Amanat Tahun Baharu 2018. <http://politeknik.gov.my/dokumen/files/AmanatKP2018.pdf> .Dicapai pada 7 Oktober 2018.
- Nurzatil Ismah, Zanariah, Nazneen & Sahlawati (2015). Faktor – faktor yang mendorong pemilihan institusi pengajian tinggi di kalangan pelajar. *E-Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*, 567 – 571.
- Osman M. Zain, Muhammad Tahir Jan & Andy B. Ibrahim (2013). Factors influencing students’ decisions in choosing private institutions of higher education in Malaysia: A structural equation modeling approach. *Asian Academy of Management Journal*, 18, 75–90.

- Politeknik. (2010). "Hala Tuju Transformasi Politeknik." 1st Ed. Putrajaya : Jabatan Pengajian Politeknik. 40,42.
- Politeknik. (2018) <https://www.mypoliteknik.edu.my/index.php/mengenai-kami/maklumat-korporat/sejarah-politeknik.html?tmpl=component&print=1&page> Dicapai pada 07 Oktober 2018.
- UmaSekaran. (2003). "Research Method for Business: A Skill - Building Approach" (4th Ed.). New York: John Wiley & Sons, Inc. 197,307.
- Wagner, K., & Fard, P. Y. (2009).). *Factors influencing Malaysian students' intention to study at a higher educational institution*. Chinese American Scholars Association, New York. Refereed Program of the E-Leader Conference at Kuala Lumpur, Malaysia. Retrieved from <http://www.g-casa.com/PDF/malaysia/Wagner-Fard.pdf>
- Wiersma, W. (1995). "Research Method in Education: An Introduction." 6th Ed. New York: Allan and Bacon. 165.
- Xiaoping, H. (2002). Soaring fees at institutions of higher learning. *Chinese Education and Society*, 35(1), 21–27.
- Yusof, M. B., Ahmad, S. N., Tajudin, M. B., & Ravindran, R. (2008). A study of factors influencing the selectoin of a higher education institution. *UNITAR e-Journal*, 4(2), 27–40.
- Zanariah, Nazneen, Nurzatil Ismah & Sahlawati (2015). Faktor tarikan pelajar ke program sarjana muda di akademi islam, kolej islam antarabangsa Selangor. *Proceeding of the 3rd Global Summit on Education GSE 2015*, 695 – 703.